

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. TUAN CHAN MING KAI
[ALOR SETAR]

SOALAN NO. 112

Y.B. TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah cukai pendapatan individu yang telah dikutip mengikut pecahan kaum.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat pembayar cukai pendapatan individu mengikut peratusan kaum sepertimana yang dipohon tidak dapat dibekalkan. Dimaklumkan bahawa Borang Nyata Cukai Pendapatan yang disediakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia tidak mempunyai butiran kaum atau bangsa. Langkah ini selaras dengan prinsip kesaksamaan (*equitable*) yang dipakai dalam mengenakan cukai pendapatan kepada setiap individu tanpa mengambilkira perbezaan kaum, agama dan sebagainya. Sebaliknya, asas yang penting adalah individu berkenaan memperoleh pendapatan daripada Malaysia sama ada pendapatan pengajian, perniagaan atau lain-lain punca seperti pendapatan dividen, sewa dan sebagainya.